

# IFC, Cagamas perluas pembiayaan bangunan hijau di Malaysia

**International Finance Corporation** (IFC), ahli Kumpulan Bank Dunia dan Cagamas Bhd memeterai memorandum persefahaman (MoU) bagi memperluas pembiayaan bangunan hijau di Malaysia. Usaha ini bertujuan mengurangkan pelepasan karbon serta menyokong sasaran negara mencapai sifar karbon menjelang 2050.

Dalam kenyataan bersama, kedua-dua pihak menyatakan bahawa kerjasama ini akan menyokong pelaburan mesra iklim dalam sektor perumahan dan pembinaan, selain membantu institusi kewangan membangunkan produk pembiayaan hijau seperti bon hijau, barisan kredit, serta pembiayaan untuk teknologi penyeyjukan mampan, sejajar dengan matlamat iklim Malaysia.

Ini adalah pembabitkan pertama IFC dalam sektor bangunan hijau di Malaysia sejak memulakan operasinya di negara ini pada 2023. Sementara itu, Cagamas berperanan sebagai perbadanan gadai janji negara.

Menurut kenyataan itu, inisiatif ini juga bertujuan membantu institusi kewangan membangunkan projek yang diterima pakai oleh bank, menguruskan risiko alam sekitar, sosial dan iklim dalam sektor pembinaan, serta mempermudah dialog antara sektor awam dan perbankan bagi menangani cabaran dalam pembangunan perumahan mampan.

"Kerjasama ini turut menyasarkan untuk menjadikan perumahan hijau lebih mampu milik dan mudah diakses oleh golongan berpendapatan rendah

serta wanita di Malaysia dengan memperluas pasaran produk gadai janji hijau dan menangani jurang pembiayaan perumahan," katanya.

Pengurus Negara Kumpulan Bank Dunia untuk Malaysia, Judith Green, berkata inisiatif ini bukan sahaja menyokong permintaan terhadap perumahan hijau, tetapi juga menyumbang kepada usaha Malaysia dalam memperkukuh keterangkuman ekonomi.



Judith Green

"Kami bersama-sama menyasarkan untuk meningkatkan akses kepada perumahan dan mengurangkan pelepasan karbon, selain menggalakkan pelaburan pintar iklim dalam sektor pembinaan serta memperkukuh kapasiti sektor kewangan bagi membantu Malaysia mencapai ko-

mitmen iklimnya menerusi Perjanjian Paris," katanya.

Perjanjian Paris, yang diterima pakai pada 2015, merupakan perjanjian iklim global yang bertujuan mengehadkan peningkatan suhu dunia kepada di bawah 2 darjah Celsius dan menyasarkan 1.5 darjah Celsius berbanding paras suhu praeindustrian.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas, Kameel Abdul Halim, berkata kerjasama ini adalah sebahagian daripada usaha memperluas akses kepada perumahan hijau dan mampu milik di Malaysia.

"Bekerjasama dengan IFC akan membantu menyokong pembangunan mampan dalam sektor ini," katanya. BERNAMA